

Najib luluskan lagi sekolah untuk tarik undi Cina
Malaysian Insider
April 29, 2013
Oleh Mohd Farhan Darwis dan Ida Lim

JOHOR BARU, 29 April — Barisan Nasional (BN) dilihat berusaha keras untuk memastikan mereka beroleh undi komuniti Cina dengan meluluskan sebuah lagi sekolah persendirian Cina, Sekolah Tinggi Foon Yew 2 di Pasir Gudang di sini.

Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Razak berkata keperluan sekolah itu adalah bagi menampung jumlah pelajar di institusi berkenaan yang semakin bertambah.

Dianggarkan lebih 10,000 pelajar kini belajar di sekolah yang berusia lebih 100 tahun di kampus utama mereka di Stulang dan Kulaijaya.

"Saya nak umumkan, kerajaan meluluskan pembinaan Sekolah Foon Yew 2," kata Najib ketika berucap dalam Majlis Sepetang bersama Perdana Menteri di Kompleks Membeli Belah Sentosa di sini.

Naib Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Sekolah Tinggi Foon Yew, Tong Sing Chuan berkata pihaknya menyambut baik pengumuman Najib berkenaan.

"Kami akan bangunkan di atas tanah 20 ekar di Seri Alam Pasir Gudang ... sekolah pertama sudahpun berusia 10 tahun dan tidak dapat menampung jumlah pelajar yang semakin ramai," katanya ketika ditemui pemberita.

Najib juga dijangka turun padang pada 30 April ini untuk program makan malam dan mengumumkan dua perkara penting bagi membantu merencanakan kempen BN yang perlahan di Pulau Pinang.

"Najib akan mengumumkan dua pengumuman penting - mengembalikan status Pelabuhan Bebas Pulau Pinang dan kebenaran untuk HCC dinaiktaraf sebagai Kolej Universiti," kata Prinsipal Kehormat Han Chiang Datuk Dr Cheah See Kian memetik laporan media.

Awal hari ini di Pontian, Najib turut menyuarakan keyakinan BN Johor akan terus kekal mentadbir kerajaan negeri dengan kemenangan yang lebih baik berbanding Pilihan Raya 2008.

Najib turut berkata, jentera BN telah bekerja keras untuk meningkatkan momentum di seluruh negara sejak beberapa bulan lalu, berbanding pembangkang dari Pakatan Rakyat (PR) yang dilihat lebih awal bergerak dalam kempen mereka.

Mengakui wujudnya sedikit percanggahan, BN jelas Najib berjaya menguruskan perkara itu berbanding pembangkang yang dilihat lebih jelas kewujudan percanggahan mereka.

"Saya tidak menafikan BN mempunyai masalah, namun pembangkang turut mempunyai masalah yang lebih besar," katanya.

"Tidak betul mengatakan BN tiada sebarang masalah," katanya lagi.

Naib juga pada September lalu telah memberi jaminan bahawa kerajaan akan menyokong penaikan taraf Kolej Tunku Abdul Rahman (KTAR) supaya menjadi sebuah kolej universiti.

Beliau berkata, KTAR telahpun memenuhi kriteria utama untuk menjadi kolej universiti dan kerajaan tidak mempunyai bantahan asalkan kolej berkenaan mengikuti prosedur yang ditetapkan dengan mengemukakan permohonannya.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-luluskan-lagi-sekolah-untuk-tarik-undi-cina/>